

FAKTOR-FAKTOR YANG **MEMPENGARUHI** PENGGUNAAN
KOMPUTER DALAM PENTADBIRAN
DI KALANGAN STAF SOKONGAN

NAFIAH MAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA 2000



**Sekolah Siswazah
(Graduate School)
Universiti Utara Malaysia**

**PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK
(Certification of Project Paper)**

Saya, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certify that)

NAFIAH BIN MAT

calon untuk Ijazah _____ Sarjana Sains (Pengurusan) IAB/UUM
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk
(has presented his/her project paper of the following title)


FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGGUNAAN KOMPUTER DALAM

PENTADBIRAN DI KALANGAN STAF SOKONGAN

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek
(as it appears on the title page and front cover of project paper)

bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan,
dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.
(that the project paper acceptable in form and content, and that a satisfactory
knowledge of the field is covered by the project paper).

Nama Penyelia
(Name of Supervisor) : **En. Zulkifli Mohamed Udin**

Tandatangan
(Signature) : 

Tarikh
(Date) : **25 November 2000**

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGGUNAAN KOMPUTER
DALAM PENTADBIRAN DI KALANGAN
STAF SOKONGAN**

Projek sarjana ini diserahkan kepada Sekolah Siswazah
untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan
pengajian ijazah sarjana sains (pengurusan)

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Oleh

NAFIAH MAT

© Hakcipta terpelihara.NAFIAH MAT, 2000

KEBENARAN MERUJUK

Tesis ini diserahkan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk mendapat ijazah sarjana sains (pengurusan) Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan Universiti Utara Malaysia mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Sebarang bentuk salinan sama ada sebahagian atau keseluruhan tesis untuk tujuan akademik adalah dibenarkan dengan syarat mendapat kebenaran penyelia tesis atau Dekan Sekolah Siswazah. Sebarang bentuk salinan dan cetakan sama ada untuk tujuan komersial dan keuntungan adalah dilarang sama sekali kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penulis dan Universiti Utara Malaysia hendaklah dinyatakan jika sebarang bentuk rujukan dibuat ke atas tesis ini.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan tesis ini sama ada sebahagian atau keseluruhannya hendaklah dipohon melalui :

Dekan

Sekolah Siswazah

Universiti Utara Malaysia

06010 Sintok

Kedah Darul Aman

ABSTRAK

Untuk menjayakan anjakan paradigma pendidikan masa kini dan hadapan, masyarakat terutamanya yang terlibat dengan pendidikan harus didedahkan dengan ciri-ciri masyarakat bermaklumat dan berpengetahuan. Selain daripada para pengurus, pengetua dan pendidik, kumpulan staf sokongan juga memainkan peranan penting membantu mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan jentera pentadbiran institusi pendidikan. Dalam era ledakan maklumat dan perkembangan pesat ilmu pengetahuan ini, penggunaan komputer menjadi sangat penting bagi mencapai matlamat masyarakat bermaklumat dan berpengetahuan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan komputer di kalangan staf sokongan sekotah-sekolah teknik Pulau Pinang. Kajian ini melibatkan lima (5) sekolah menengah teknik di Pulau Pinang. Seramai 66 orang responden terlibat dalam kajian ini. Kaedah pengutipan data pula ialah dengan menggunakan borang soalselidik dan respon yang diperolehi adalah seratus peratus. Pembolehubah-pembolehubah yang dikaji ialah jawatan, umur, tahun berkhidmat, jantina, pengetahuan dan kemahiran berkomputer serta perasaan cemas terhadap komputer. Enam hipotesis telah dibentuk dalam kajian ini dan kesahan hipotesis ini di uji dengan menggunakan teknik *Chi-Square test*, t-test dan ujian pekali Pearson. Keputusan kajian mendapati hanya satu iaitu pengetahuan dan kemahiran berkomputer

sahaja yang menunjukkan perkaitan yang positif dan signifikan terhadap penggunaan komputer. Kajian ini wujud selaras dengan wawasan 2020 untuk membentuk masyarakat maju, bermaklumat dan berpengetahuan. Dalam beberapa tahun akan datang semua tenaga kerja awam atau pun swasta perlu kepada penguasaan penggunaan komputer. Adalah penting bagi Kementerian Pendidikan menerapkan penggunaan komputer dalam semua aspek pengurusan institusinya supaya lebih cekap dan berkesan. Maka hasil keberkesanan dan kecekapan pengurusan pendidikan ini akan membolehkan para pendidik dapat memberi tumpuan yang lebih terhadap pengajaran dan pelajaran. Akhirnya adalah diharapkan institusi pendidikan kita ciapat menghasilkan para pelajar yang bistari yang kemudian akan dapat memenuhi matlamat kita untuk membentuk masyarakat bermaklumat dan berpengetahuan dalam sebuah negara yang maju.

ABSTRACT

In order to **achive** an educational paradigm shift, societies and particularly those involves in education has to be exsposed to what an informative and knowledgeable society is all about. Those who are involves in improving the effectiveness and efficiencies of educational institutions will have to be very serious about their roles. Among those involves are administrators, principles, teachers, and all supporting staff. Computer usage seems inevitable to **achive** an informative and knowledgeable society. The purpose of this study then is to determine factors affecting computer usage among supporting staff of technical secondary schools in Penang. Altogether five (5) schools were involved and all sixty six respondent has responded to the questionnaires given. A respond rate of hundred **persent** (100%) was **achived**. The independence variables were post, age, tenure, sex, computer knowledge and skills, and computer anxiety. Six (6) hipothesis was formulated and the latter was tested with Chi-Square test, t-test, and Pearson Coefficient Correlation. This research is in line with the country's vision 2020 which is to **achive** an informative and **knowlegeable** societies in a fully developed nation In years to come all works will require some form of computer usage. Therefore computer usage will have to be intensified to all walks of life in out societies and of course all personnels in educational institutions will have to play a very serious roles in spearheading this matter. We expect our educational institutions will be able to use computer as one of the tool to **achive** an informative and knowledgeable society in a fully developed nation in the year 2020.

Penghargaan

Segala puji bagi Tuhan Yang Maha Esa dan saya bersyukur kepadaNya kerana dapat menyiapkan projek ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada En. Zulkifli Mohamed Udin atas kesudian beliau menyelia kertas projek ini serta memberi tunjuk ajar. Ucapan terima kasih juga untuk Kementerian Pendidikan Malaysia, Sekolah Siswazah UUM, Jabatan Pendidikan Pulau Pinang dan semua pengetua sekolah menengah teknik Pulau Pinang.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan untuk ahli kohort 9 IAB/UUM atas segala kerjasama dan persahabatan yang wujud antara kita.

Terima kasih turut dirakamkan untuk isteri tersayang serta anak-anak atas segala kesabaran, pengorbanan dan dorongan yang telah diberikan.

Akhir kata, adalah diharap kajian ini dapat dimanfaatkan demi perkembangan akademik dan peningkatan literasi komputer di Malaysia.

ISI KANDUNGAN

1. Kebenaran Merujuk	i
2. Abstrak	ii
3. Abstract	iv
4. Penghargaan	v
5. Isi Kandungan	vi
6. Senarai Jadual	ix
7. Senarai Rajah	xi

BAB 1 - PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan	1
1.2. Mengenalpasti Masalah	6
1.3. Objektif Kajian	7
1.4. Kerangka Teori	8
1.5. Kepentingan Teori	10
1.6. Batasan Kajian	10

BAB 2 – TINJAUAN LITERATUR

2.1 Penggunaan Komputer	12
2.2 Pengetahuan dan Kemahiran Berkomputer (<i>Computer Knowledge and Skills</i>)	16
2.3 Perasaan Cemas Terhadap Komputer (<i>Computer Anxiety</i>)	18
2.4. Sikap Terhadap Komputer	18
2.5 Jantina	19
2.6 Umur	20
2.7 Soalan-Soalan Kajian	21
2.8 Hipotesis	22

BAB 3 - METODOLOGI

3.1 Populasi	25
3.2 Pengumpulan Data	28
3.3 Alat Ujian	28
3.4 Kaedah Penganalisian Data	30
3.5 Kebolehpercayaan dan Kesahan	31

BAB 4 - DAPATAN KAJIAN

4.1. Pengenalan	33
4.2. Maklumat Deskriptif Responden	33
4.3. Maklumat Deskriptif Pengetahuan dan Kemahiran Berkomputer	36
4.4. Maklumat Deskriptif Perasaan Cemas Terhadap Komputer.	37
4.5 Maklumat Deskriptif Penggunaan Komputer	38
4.5.1 Maklumat Deskriptif Penggunaan Seharian	38
4.5.2 Maklumat Deskriptif Kekerapan Penggunaan Komputer	40
4.5.3 Maklumat Deskriptif Kewujudan Kemudahan Komputer	41
4.5.4 Maklumat Deskriptif Assimilasi Data Pengurusan dan Sekolah ke Dalam Komputer.	42
4.6 Ujian Hipotesis	43
4.6.1 Ujian Hipotesis 1	43
4.6.2 Ujian Hipotesis 2	44
4.6.3 Ujian Hipotesis 3	45
4.6.4 Ujian Hipotesis 4	46
4.6.5 Ujian Hipotesis 5	47
4.6.6 Ujian Hipotesis 6	49
4.7 Hasil Ujian Hipotesis	50

BAB 5 - KESIMPULAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1. Kesimpulan	52
5.2. Perbincangan	53
5.3. Cadangan Kajian Masa Hadapan	55
 Bibliografi	 57
Lampiran	61
Soalselidik	62
Permohonan Menjalankan Kajian Ke KPM	67
Kebenaran Menjalankan Kajian (KPM)	71
Permohonan Menjalankan Kajian Ke JPN	73
Kebenaran Menjalalakan Kajian (JPN)	74
Surat Akuan Pelajar Sekolah Siswazah (UUM)	76

Senarai Jadual

Jadual	Muka Surat
3.1 Taburan Bilangan Staf Sokongan Sekolah-Sekolah Menengah Teknik Pulau Pinang	26
3.2 Taburan Bilangan Jawatan Staf Sokongan Sekolah-Sekolah Menengah Teknik Pulau Pinang	27
3.3 Taburan Soalan-Soalan Soalselidik bagi Pembolehubah Tetap	29
3.4 Taburan Soalan-Soalan Soalselidik bagi Pembolehubah Berubah	30
3.5 Keputusan Pekali Kesahan (<i>Reliability's coefficient</i>) bagi Ujian Rintis (n = 16)	32
4.1 Profil Responden (N = 66)	35
4.2 Data Responden Terhadap Pengetahuan Asas dan Kemahiran Berkomputer (N=66)	36
4.3 Data Responden Terhadap Perasaan Cemas Terhadap Komputer (N=66)	37
4.4 Data Responden Terhadap Penggunaan Komputer Sehari-hari (N=66)	39
4.5 Data Responden Terhadap Kekerapan Penggunaan Komputer (N=66)	40
4.6 Data Responden Terhadap Kewujudan Kemudahan Komputer (N=66)	41
4.7 Data Responden Terhadap Data Pengurusan dan Sekolah Dikomputerkan (N=66)	42
4.8 Ujian Khi-Gandadua (<i>Chi-Square</i>) Melihat Kesan Pergantungan Jawatan Terhadap Penggunaan Komputer	43

Jadual	Muka Surat
4.9 Ujian Khi-Gandadua (<i>Chi-Square</i>) Melihat Kesan Pergantungan Umur Terhadap Penggunaan Komputer	44
4.10 Ujian Khi-Gandadua (<i>Chi-Square</i>) Melihat Kesan Pergantungan (<i>dependence</i>) Tempoh Perkhidmatan Staf Sokongan Terhadap Penggunaan Komputer	45
4.11 <i>t</i> -Test Melihat Perbezaan Jantina Staf Sokongan Terhadap Penggunaan Komputer	46
4.12 Hasil Output Matrik Korelasi Pearson	47
4.13 Hasil Regresi Linear (<i>stepwise</i>)	50
4.14 Hasil-hasil Ujian Hipotesis	50

Senarai Rajah

Rajah	Muka surat
1.1 Rangka Konseptual Kajian: Hubungan Pembolehubah Bebas dan Pembolehubah Bersandar.	9

BAHAGIAN 1 - PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Di Malaysia, komputer untuk pendidikan mula digunakan dalam tahun 1960 an dalam bentuk rangka utama (*Mainframe*) oleh Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia (Hashim Meon, 1984). Pada masa itu komputer yang digunakan adalah besar dan memenuhi hampir satu bilik di pejabat. Ianya juga mahal, menggunakan kuasa elektrik yang tinggi, mengeluarkan haba yang banyak dan sukar pula digunakan. Ia hanya digunakan untuk memproses data bagi kegunaan pentadbiran dan pengurusan pendidikan.

Pada awal tahun 1980 an, barulah komputer mikro mula diperkenalkan di sekolah-sekolah. Kegunaannya ialah untuk mewujudkan inventori serta mengumpul data murid (Chong, Lee, & Noran Fauziah Yaakub, 1995). Sebagai alat membantu pentadbiran, ia berfungsi untuk memudahkan kerja-kerja perkeranian, akaun dan gaji, kawalan inventori, rekod kakitangan dan murid, penyimpanan, penganalisan dan penjaan laporan rekod-rekod peperiksaan.

Nurairhan Mat Daud (1996) turut menerangkan bahawa Kementerian Pendidikan mula membekalkan komputer kepada sekolah-sekolah secara kecil-kecilan terutama di Lembah Kelang sekitar awal 80 an. Pada mulanya penggunaan hanya untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Kemudian pada awal 90 an kementerian telah mula membekalkan komputer kepada sekolah untuk tujuan pentadbiran.

Kementerian Pendidikan Malaysia menyedari akan kepentingan sistem maklumat berkomputer yang boleh meningkatkan pengurusan sekolah dan lain-lain jabatan di kementerian. Piccano (1994) menyatakan bahawa sesuatu organisasi itu jika ia terus mahu berkembang maju maka ia harus menguasai sistem maklumat berasaskan komputer.

Barta, Telem dan Ger (1995) dalam buku mereka telah memetik pendapat yang diberikan oleh Visher bahawa penggunaan sistem maklumat berkomputer masih di tahap minima sedangkan keupayaan sistem komputer yang ada di sekolah-sekolah adalah jauh lebih berpotensi. Ini bermakna keupayaan sistem komputer yang ada belum dimanfaatkan sepenuhnya lagi.

Ray dan Davies (1991) dalam kajian mereka turut menyebut tentang keadaan institusi pendidikan khususnya agak ketinggalan dalam penggunaan komputer bagi membantu pengurusannya berbanding dengan organisasi perniagaan. Mereka juga berpendapat bahawa

penggunaan komputer ini harus dikuasai oleh semua staf yang terlibat dalam pengurusan pendidikan terutama para pengurus.

Bagi sekolah-sekolah menengah teknik dan vokasional di seluruh Malaysia pembekalan komputer bagi tujuan pentadbiran ini berjalan lancar dan kini semua pejabat sekolah-sekolah teknik/vokasional ini telah mempunyai set komputer bagi membantu melicinkan pentadbiran sekolah.

Penyediaan prasarana fizikal seperti membekalkan set komputer kepada semua agensi kerajaan tidak semestinya dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan produktiviti kementerian berkenaan. Perhatian juga harus diberi kepada pengurus serta staf yang terlibat mengoptimalkan penggunaan teknologi komputer bagi meningkatkan produktiviti mereka.

Banyak kajian menunjukkan bahawa keberkesanan penggunaan komputer di pejabat-pejabat berkait rapat dengan komitmen pengurusnya. Pelaksanaan membudayakan staf di bawah pimpinannya terhadap penggunaan komputer begitu diberi perhatian khusus. (Ray dan Davies, 1991; Hawkrigde, 1990)

Kebanyakan maklumat pejabat masa kini telah disimpan dalam komputer. Beberapa perisian memproses perkataan dan pengkalan data yang lazim digunakan bagi tujuan ini. Staf sokongan pejabat harus

dibenarkan mengguna maklumat tersimpan ini secara terkawal. Antara maklumat yang ada ialah salinan sijil-sijil pelajar dan pelbagai maklumat penting kepada sekolah. Etika kerja yang baik serta senarai tugas yang jelas begini akan dapat menghasilkan kerja yang cekap lagi berkesan.

Gustafson (1985) pula menyatakan bahawa pengetua sekolah harus membimbing dan menyelia staf sokongannya dari masa ke semasa terhadap penggunaan komputer. Stevenson (1999) dalam bukunya menyatakan bahawa perubahan teknologi dari sistem manual ke sistem berkomputer akan memberi kesan ke atas pengurusan pejabat. Sekiranya pengintegrasian sistem komputer ini tidak menyeluruh ia boleh menimbulkan keburukan seperti meningkatkan kos dan mengurangkan produktiviti.

Huber (1980) menjelaskan dalam kajiannya bahawa terdapat hubungan yang positif antara kualiti keputusan individu dalam sesuatu organisasi dengan pencapaian misi organisasi berkenaan. Manakala Zmud (1979) pula berpendapat bahawa kejayaan sesuatu organisasi itu bergantung kepada sejauh mana sistem maklumat berkomputer membantu dalam proses membuat keputusan.

Davis dan Olson (1985) menyatakan bahawa penyimpanan maklumat melalui mesin terutamanya komputer adalah untuk membantu organisasi dalam mengurus dan membuat keputusan yang baik untuk mereka.

Menurut Laudon dan Laudon (1997), sistem maklumat berasaskan komputer amat diperlukan bagi melicinkan pengaliran maklumat dan pengetahuan dalam organisasi. Dengan cara ini para pekerja boleh mendapat manfaat dari sumber pengetahuan terkumpul dan berupaya meningkatkan prestasi kerja.

Bird (1991) membincangkan konsep *CASA(Computer Aided School Administration)* di England dan mendapati aplikasi penggunaan komputer dalam pentadbiran sekolah adalah seperti berikut:

- (a) Data pentadbiran pelajar
- (b) Maklumat pelajar dan kelas-kelas mereka
- (c) Pengurusan jadual waktu
- (d) Pendaftaran peperiksaan akhir
- (e) Pendaftaran baru
- (f) Kerja-kerja pengurusan umum
- (g) Analisa ujian/peperiksaan pelajar
- (h) Surat Menyurat

1.2 Mengenalpasti Masalah

Kajian oleh Pelgrum (1993), menunjukkan bahawa sekolah yang menggunakan konsep CASA(*Computer Aided School Administration*) dapat menunjukkan peningkatan prestasi pengurusan sekolah.

Penggunaan komputer harus menjadi salah satu amalan yang biasa jika pengetua dan stafnya ingin meningkatkan prestasi pengurusan sekolah (Ray, 1991). Witcher (1993) merumuskan bahawa perancangan dalam pengurusan aplikasi maklumat adalah penting dan ia selaras dengan era ledakan maklumat. Beliau juga membincangkan kesahihan maklumat yang diterima dan kawalan terhadapnya.

Hawkridge (1990) mengatakan bahawa penggunaan komputer dalam pendidikan boleh meningkatkan keberkesanan pengurusan dan pentadbiran. Keadaan ini boleh membantu usaha meningkatkan prestasi akademik para pelajar.

Sejumlah besar peruntukan kewangan telah dibelanjakan untuk membekal komputer ke sekolah-sekolah. Ia akan menyebabkan satu perubahan fizikal dan budaya kerja yang signifikan terhadap pengurusan di sekolah. Satu pelan perancangan rapi harus wujud di peringkat atasan dan ia harus dilaksanakan, diselia serta dinilai akan keberkesanannya.

Dengan ini kajian-kajian amat perlu dilakukan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penggunaan komputer di sekolah. Penganalisan terhadap faktor-faktor yang telah dikaji boleh memberikan satu gambaran tentang tahap pelaksanaan penggunaan komputer dalam pentadbiran sekolah-sekolah.

Adakah pelaburan yang telah dibuat mendatangkan hasil yang setimpal? Adakah terdapat unsur-unsur pembaziran dalam pelaburan ini? Apakah aspek-aspek kekuatan dan kelemahan penggunaan komputer dalam pengurusan sekolah?

Adakah penggunaan komputer dalam pengurusan sistem maklumat di sekolah masakini cekap dan berkesan? Bagaimanakah pembaziran yang berlaku boleh diperbaiki?

1.3 Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini cuba mengenalpasti sumbangan staf sokongan sekolah terhadap penggunaan komputer dalam pentadbiran. Perkaitan faktor-faktor yang dikaji termasuklah demografi, pengetahuan dan kemahiran berkomputer serta perasaan cemas terhadap komputer.

Objektif khusus kajian ini ialah untuk :

- 1.3.1 Mengenalpasti faktor-faktor demografi yang mempengaruhi tahap penggunaan komputer di kalangan staf sokongan sekolah-sekolah teknik di Pulau Pinang.
- 1.3.2 Mengenalpasti perkaitan faktor-faktor pengetahuan dan kemahiran berkomputer staf sokongan sekolah-sekolah teknik di Pulau Pinang terhadap penggunaan komputer.
- 1.3.3 Mengenalpasti faktor-faktor perasaan cemas terhadap komputer yang mempengaruhi tahap kesedaran penggunaan komputer oleh staf sokongan sekolah-sekolah teknik di Pulau Pinang.

1.4 Kerangka Teori


Kajian ini berpandukan kepada teori "*Technology Acceptance Model (TAM)*" yang menerangkan kesediaan untuk menerima sesuatu teknologi itu berasaskan persepsi penggunaanya (Ventakesh, 1999). Teori ini dikembangkan dari teori psikologi sosial bagi tindakan taakulan "*Social Psychological Theory of Reasoned Action (TRA)*" (Fishbein dan Ajzen, 1975; Ajzen dan Fishbein, 1980)

TAM menghuraikan bahawa dua faktor sikap iaitu tentang peri mudah penggunaan teknologi tersebut atau "*Perceive Ease of Use (EOU)*" dan juga tanggapan tentang peri pentingnya sesuatu teknologi itu

"Perceive Usefulness (U)" yang akan memberi kesan sikap ingin
mengguna "Behaviour Intention (BI)" terhadap teknologi berkenaan.

Rajah 1.1

Rangka Konseptual Kajian: Hubungan Pembolehubah Bebas dan
Pembolehubah Bersandar.



1.5 Kepentingan Teori

Berlandaskan teori TAM, kajian ini akan cuba melihat perkaitan antara faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan komputer staf sokongan sekolah menengah teknik Pulau Pinang. Faktor-faktor demografi, pengetahuan dan kemahiran berkomputer serta perasaan cemas terhadap komputer adalah di antara yang akan dikenalpasti perkaitannya terhadap penggunaan komputer.

Adalah diharap hasil kajian ini dijadikan sebagai bahan rujukan tambahan kepada Kementerian Pendidikan. Ianya juga dapat menyumbang kepada pengembangan sempadan ilmu terhadap kajian penggunaan komputer umumnya.

1.6 Batasan Kajian

Staf sokongan sekolah adalah mereka yang melakukan tugas-tugas teknikal dan perkeranian bagi menolong pengetua mengurus sekolah secara umumnya. Staf sokongan dalam skop kajian ini ialah terdiri dari jawatan-jawatan berikut sahaja:

- (a) Ketua Pegawai Kerani
- (b) Pegawai Kerani
- (c) Juruteknik
- (d) Pembantu Makmal
- (e) Penyelia Asrama
- (f) Jurutaip
- (g) Pembantu Am Rendah

Bagi tujuan kajian ini semua jawatan tersebut di atas dikelompokkan sebagai staf sokongan. Ini akan memudahkan kita mengenalpasti perkaitan antara pembolehubah bebas dan pembolehubah tetap yang telah dipilih.

Dua lagi jawatan staf sokongan iaitu Pembantu Rendah Am (PRA) dan Pemandu tidak dilibatkan. Ini adalah kerana tugas-tugas harian bagi kedua jawatan ini tidak melibatkan penggunaan komputer. Skop kajian ini juga dikhususkan kepada staf sokongan sahaja. Maka walaupun pengetua dan guru turut mempengaruhi keberkesanan penggunaan komputer dalam pentadbiran tetapi bagi tujuan kajian mereka juga tidak dilibatkan.

BAHAGIAN 2

Tinjauan Literatur

2.1 Penggunaan Komputer

Bird (1986) telah menyebut tentang kejayaan penggunaan komputer adalah bergantung kepada komitmen pengurus dalam menggalakkan aplikasi komputer terhadap kerja-kerja di pejabat. Chong (1995) dalam kajiannya mengenai persepsi pengurus pendidikan terhadap faktor-faktor asas pengurusan berkomputer di sekolah, mendapati hampir semua pengurus bersetuju akan kepentingan pengurusan berkomputer.

Menurut Booker (1995) sikap positif terhadap penggunaan komputer di kalangan pengurus dan staf di sekolah adalah jelas tetapi tahap penggunaannya adalah terhad. Justeru itu kita sering kali melihat staf perkeranian yang lebih menggunakan komputer berbanding dengan staf-staf lain di sekolah. Itu pun hanya untuk kerja-kerja menyelenggara rekod kedatangan pelajar, menyediakan surat atau laporan-laporan tertentu sahaja.

Benson, Peltier dan Matranga (1999) telah mendapati bahawa penggunaan komputer dalam pentadbiran sekolah-sekolah di Nevada, U.S.A adalah berjaya kerana perancangannya yang baik, penyediaan kemudahan komputer terkini dan perisian-perisian yang bersesuaian untuk pengurusan sekolah. Mereka juga melaksanakan secara menyeluruh program latihan staf dalam bidang komputer. Perisian-perisian yang berkaitan dengan kerja-kerja staf seharian didedahkan dalam kursus-kursus berkenaan. Staf mendapati kursus berkenaan amat berguna dan ini menambahkan lagi minat mereka untuk menggunakan komputer. Kumpulan pengkaji ini juga mendapati bahawa staf pejabat akan lebih cenderung untuk menggunakan komputer apabila terdapat salah satu atau lebih daripada ciri berikut kepada mereka:

- (a) Mereka mempunyai set komputer peribadi di rumah
- (b) Mempunyai pengalaman di dalam penggunaan komputer sebelum ini
- (c) Perempuan
- (d) Umur yang agak muda (39 tahun ke bawah)
- (e) Tempoh perkhidmatan 10 hingga 14 tahun.

Frekuensi penggunaan komputer telah dicadang oleh Raymond (1985) dan DeLone(1988) seterusnya Srinivasan (1985) menambah bahawa penggunaan komputer boleh juga diukur dengan melihat kekerapan penggunaan komputer yang sebenar dalam sehari.

Gogan (1991) pula menyatakan ianya juga dapat diukur dengan bilangan jam penggunaanya, kemudahan untuk mengguna komputer yang ada, dan jenis-jenis kerja yang dilakukan dengan komputer tersebut.

Stevens (1991) turut memberi panduan dengan melihat bilangan set komputer yang dibekalkan ke pejabat berkenaan, jumlah peruntukan kewangan untuk menyelenggara komputer dan keupayaan untuk menghubungkan kesesuaian teknologi komputer tersebut dengan tugas-tugas seharian yang perlu dilaksanakan.

Harrison (1992) menambah bahawa pengetahuan dan kemahiran berkaitan penggunaan komputer boleh dijadikan alat pengukur bagi penggunaan komputer. Miller (1987) turut menambah bahawa untuk mengukur penggunaan komputer kita harus ambil kira perisian komputer yang telah digunakan.

Iqbaria (1989) pula memberi lima dimensi penggunaan komputer yang disenaraikan seperti berikut:

- (a) Penggunaan komputer sebenar setiap hari boleh diukur dengan skala “hampir tiada penggunaan” kepada “penggunaan lebih dari tiga jam sehari”
- (b) Frekuensi penggunaan komputer dengan skala “beberapa kali sehari” kepada “kurang dari sekali sebulan”.
- (c) Bilangan pakej perisian yang digunakan
- (d) Tahap kerumitan penggunaan komputer dalam kategori yang berbeza-beza.
- (e) Tahap penggunaan komputer dalam kerja-kerja seharian yang berkaitan.

Morris (1989) telah mengkaji sikap, amalan-amalan kebiasaan para pemasar barangan industri terhadap penggunaan komputer dalam skop-skop yang berikut:

- (a) Ciri menandakan pengguna biasa dengan teknologi komputer bila mereka mempunyai pengetahuan tentang perisian komputer seperti pemprosesan perkataan, hamparan elektronik, grafik berkomputer dan pengkalan data.
- (b) Mempunyai nilai yang jangkaan terhadap penggunaan komputer seperti memperolehi maklumat tepat pada masanya, operasi yang

cepat, maklumat lebih lengkap dan boleh meningkatkan keupayaan membuat keputusan.

- (c) Beranggapan bahawa komputer dapat membantu di dalam mengatasi masalah.
- (d) Bergantung kepada komputer untuk menyelaras data, fail-fail, belanjawan dan ramalan.
- (e) Menyelenggara fail-fail yang ada dan berapa kali ia dikendalikan.
- (f) Jenis dan perisian komputer adalah selaras dengan perkembangan teknologi komputer itu sendiri.

Hasil dari kajian ini beliau mendapati bahawa teknologi komputer yang ada masih kurang dimanfaatkan dikalangan pemasar barangan industri ini.

2.2 Pengetahuan dan Kemahiran Berkomputer (*Computer Knowledge and Skills*)

Bird (1986) menunjukkan bahawa latihan dalam perkhidmatan berkaitan dengan penggunaan komputer adalah sangat penting bagi menjayakan konsep CASA. Seterusnya beliau mencadangkan setiap pejabat harus mewujudkan satu kumpulan kerja atau beberapa orang yang berpengetahuan dan mahir dalam penggunaan komputer. Langkah ini adalah bagi mengelakkan kehilangan personel kalau berlaku sesuatu pertukaran tempat kerja pada personal atau pun berhenti kerja.

Shaw dan Lancaster (1986) mencadangkan supaya staf pengurusan sekolah membentuk jawatankuasa merancang aktiviti pengurusan yang melibatkan komputer. Dengan itu matlamat untuk meningkatkan penggunaan komputer dapat dicapai.

Murphy (1989) menyatakan bahawa pengetahuan dan kemahiran berkomputer adalah merujuk kepada pengetahuan khusus seseorang individu itu terhadap komputer dan kemahiran mengaplikasikannya.

Nelson (1990) menambah bahawa teknologi maklumat bergantung kepada teknologi itu sendiri, tahap kemahiran dan kecekapan individu berkenaan menggunakan teknologi.

Harrison (1992) telah mengkaji perkaitan di antara perbezaan individu dan kemahiran berkomputer. Beliau mendapati penggunaan komputer adalah lebih tinggi daripada kelompok-kelompok seperti berikut:

- (a) Lelaki
- (b) Umur yang lebih muda
- (c) Mempunyai pengalaman menggunakan komputer
- (d) Bersikap positif terhadap komputer
- (e) Kurang beranggapan bahawa matematik itu sebagai satu matapelajaran yang susah (*low mathematical anxiety*)

(f) Gaya penyelesaian masalah yang kreatif

2.3 Perasaan Cemas Terhadap Komputer (*Computer Anxiety*)

Uttal (1982) mendapati hasil kajiannya menunjukkan kebanyakan eksekutif dan pengurus masih mempunyai perasaan takut terhadap teknologi atau disebut "*Technophobic*". Perkara ini harus difahami terlebih dahulu supaya pemindahan teknologi dapat berjalan lancar kepada sesiapa sahaja (Brancheau & Wetherbe, 1990).

Heinssen (1987) pula mendapati para pelajar yang mempunyai perasaan takut yang tinggi terhadap komputer mengambil masa yang lebih untuk menyelesaikan masalah akademik mereka.

Iqbaria (1989) membuat kesimpulan bahawa perasaan cemas terhadap komputer berkadar songsang dengan masa penggunaan komputer seseorang individu.

2.4 Sikap Terhadap Komputer

Mitra et al. (1997) mencadangkan bahawa sikap terhadap komputer harus terdiri dari pelbagai komponen seperti:

- (a) Sikap terhadap arahan-arahan yang ujud dalam pengoperasian sesebuah komputer
- (b) Sikap terhadap kemudahan untuk menggunakan komputer di pejabat
- (c) Sikap para pengurus dalam memberi sokongan ke arah kerja-kerja yang melibatkan penggunaan komputer.

Kerber (1983) dapati bahawa terdapat korelasi positif antara persepsi terhadap komputer dengan hasil pengalaman menggunakan komputer yang positif serta meningkatkan minat dan perhatian penggunaannya. Arndt (1985) memberi kesimpulan bahawa para pelajar yang mempunyai sikap terhadap komputer yang positif mendapati penggunaan komputer mereka adalah lebih signifikan daripada mereka yang bersikap dingin terhadap komputer.

2.5 Jantina

Lockheed (1985) dalam kajiannya menunjukkan terdapat perkaitan antara jantina dengan penggunaan komputer. Penggunaannya didapati lebih dikuasai oleh golongan lelaki daripada golongan wanita. Gutek dan Bikson (1989) melaporkan di mana lebih banyak kemahiran-kemahiran yang berkaitan dengan komputer dihasilkan oleh para pekerja lelaki.

Wilder (1985) menyifatkan penggunaan komputer lebih mirip kepada aktiviti dilakukan oleh lelaki yang juga menunjukkan ciri-ciri suka bekerja dengan komputer. Collis, Haas dan Kieren (1989) menyimpulkan bahawa perbezaan terhadap penggunaan komputer dari segi jantina. Walaubagaimana pun, Iqbaria (1989) dalam kajiannya tidak mendapati sebarang perbezaan jantina dari segi penggunaan komputer.

2.6 Umur

Howard dan Smith (1989) melaporkan staf dan pengurus yang lebih tua menunjukkan ciri-ciri perasaan lebih cemas terhadap komputer. Iqbaria (1989) juga turut menyimpulkan bahawa terdapat kaitan positif antara umur dan perasaan cemas terhadap komputer.

Nickell dan Pinto (1986) pula mendapati korelasi yang negatif antara umur dan sikap penggunaan komputer. Seterusnya satu kajian oleh Preston (1994) mendapati penggunaan komputer di kalangan pengetua sekolah, umur dan jantina tidak menunjukkan sebarang korelasi yang signifikan. Kajian tersebut bagaimana pun menunjukkan korelasi yang positif terhadap bilangan tahun berkhidmat. Kajian tersebut turut mendapati peningkatan yang positif terhadap penggunaan komputer dalam pekerjaan seharian, kemahiran-kemahiran berkomputer dan minat. Pengetua dan stafnya harus diberi pendedahan yang berterusan terhadap perkembangan teknologi komputer dan aplikasinya jika penggunaan komputer di kalangan mereka ingin dikekalkan serta ditingkatkan.

2.7 Soalan-Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan ingin mencari jawapan kepada soalan-soalan yang di senaraikan di bawah:

- 2.7.1 Adakah terdapat pertalian signifikan antara jawatan, umur, jantina dan tempoh lama berkhidmat staf berkenaan dengan penggunaan komputer?
- 2.7.2 Adakah terdapat pertalian signifikan antara umur dengan penggunaan komputer?

- 2.7.3 Adakah terdapat pertalian signifikan antara jantina dengan penggunaan komputer?
- 2.7.4 Adakah terdapat pertalian signifikan antara tempoh lama berkhidmat staf berkenaan dengan penggunaan komputer?
- 2.7.5 Adakah terdapat pertalian signifikan antara pengetahuan dan kemahiran berkomputer staf berkenaan dengan penggunaan komputer?
- 2.7.6 Adakah terdapat pertalian signifikan antara perasaan cemas terhadap komputer (*computer anxiety*) staf berkenaan dengan penggunaan komputer?

2.8 Hipotesis

Sebanyak enam(6) hipotesis telah dikemukakan dalam kajian ini. Empat hipotesis pertama adalah untuk menguji hubungan faktor demografi terhadap penggunaan komputer. Hipotesis 5 dan hipotesis 6 adalah untuk menguji kesan dua pembolehubah terhadap penggunaan komputer. Hipotesis-hipotesis adalah seperti berikut:

Hipotesis 1:

H_{O_1} : Jawatan staf sokongan tiada kaitan dengan penggunaan komputer

H_{A_1} : Terdapat kaitan jawatan staf sokongan dengan penggunaan komputer

Hipotesis 2:

H_{O_2} : Umur staf sokongan tiada kaitan dengan penggunaan komputer

H_{A_2} : Terdapat kaitan umur staf sokongan dengan penggunaan komputer

Hipotesis 3:

H_{O_3} : Tempoh khidmat staf sokongan tiada kaitan dengan penggunaan komputer

H_{A_3} : Terdapat kaitan tempoh khidmat staf sokongan dengan penggunaan komputer

Hipotesis 4:

HO₄ : Tiada perbezaan antara jantina staf sokongan dengan penggunaan komputer

HA₄ : Terdapat perbezaan antara jantina staf sokongan dengan penggunaan komputer

Hipotesis 5:

HO₅ : Tiada perkaitan yang signifikan antara pengetahuan dan kemahiran berkomputer dengan penggunaan komputer

HA₅ : Terdapat perkaitan yang signifikan antara pengetahuan dan kemahiran berkomputer dengan penggunaan komputer

Hipotesis 6:

HO₆ : Tiada perkaitan yang signifikan antara perasaan cemas terhadap komputer (*computer anxiety*) dengan penggunaan komputer.

HA₆ : Terdapat perkaitan yang signifikan antara perasaan cemas terhadap komputer (*computer anxiety*) dengan penggunaan komputer.

BAHAGIAN 3

Metodologi

3.1 Populasi

Penyelidikan ini melibatkan lima sekolah teknik di negeri Pulau Pinang. Pemilihan dibuat kerana semua sekolah teknik ini telah dilengkapi dengan dua atau lebih set komputer untuk tujuan membantu pengurusan sekolah. Semua staf sokongan daripada sekolah-sekolah ini dijadikan sebagai responden. Ini bermakna kita tidak memilih kaedah persampelan tetapi terus memilih populasi(N) yang ada. Antara sebab kaedah ini dipilih adalah kerana populasi staf sokongan bagi kelima-lima sekolah teknik ini hanyalah 79 orang. Skop kajian ini juga hanya melibatkan pengumpulan data dari satu negeri sahaja maka dapatannya hanya boleh mewakili sekolah-sekolah teknik di Pulau Pinang sahaja.

Bagi tujuan kajian ini sejumlah 66 orang staf sokongan sahaja telah dipilih untuk menjadi responden (rujuk Jadual 3.1). Pecahan bagi jawatan staf sokongan yang dipilih dapat dirujuk dalam Jadual 3.2.

Seramai 66 orang responden yang dipecahkan kepada ketua pegawai kerani seramai lima orang (7.6%), pembantu am rendah seramai lima belas orang (22.7%) dan selebihnya ialah kumpulan pegawai kerani, juruteknik, pembantu makmal, penyelia asrama dan jurutaip yang peratus mereka adalah antara 15 % hingga 21 % tiap-tiap satu. Ini bermakna 13 orang staf sokongan yang tidak dipilih sebagai responden dan mereka adalah dari Pembantu Am Rendah (PAR) dan Pemandu. Rasionalnya ialah kerana tugas-tugas harian mereka ini tidak melibatkan penggunaan komputer. Skop kajian juga khusus terhadap staf sokongan maka pengetua dan semua guru turut tidak dilibatkan. Satu kajian lain dicadangkan untuk kumpulan tersebut ini.

Jadual 3.1

Taburan Bilangan Staf Sokongan Sekolah-Sekolah Menengah Teknik Pulau Pinang

Sekolah Menengah Teknik Negeri Pulau Pinang	Bilangan Staf Sokongan
1. Sekolah Menengah Teknik, Nibong Tebal.	13
2. Sekolah Menengah Teknik, Butterworth.	13
3. Sekolah Menengah Teknik, Batu Lintang.	11
4. Sekolah Menengah Teknik, Tunku Abd. Rahman Putra.	16
5. Sekolah Menengah Teknik, Balik Pulau.	13
Jumlah	66

Jadual 3.2

Taburan Bilangan Jawatan Staf Sokongan Sekolah-Sekolah Menengah Teknik Pulau Pinang

SEKOLAH	Populasi Staf Sokongan							JUM.
	KK	PK	JTK	PM	PA	JTP	PAR	
1) SMT N.Tebal	1	2	2	1	2	2	3	13
2) SMT Butterworth	1	2	2	3	1	1	3	13
3) SMT Bt.Lancang	1	2	2	2	1	1	2	11
4) SMT TARP	1	2	2	2	2	2	5	16
5) SMT B. Pulau	1	2	2	2	2	2	2	13
Jumlah	5	10	10	10	8	8	15	66

KPK : Ketua Pegawai Kerani
PK : Pegawai Kerani
JTK : Juruteknik
PM : Pembantu Makmal
JTP : Jurutaip
PAR : Pembantu Am Rendah
N : Saiz Populasi
JUM. : Jumlah

Dari profil populasi yang telah ditunjukkan maka kajian ini boleh mewakili sekolah teknik negeri Pulau Pinang. Segala dapatan dan kesimpulan adalah khusus untuk negeri Pulau Pinang dan tidak boleh mencerminkan sekolah teknik secara umumnya. Dapatan kajian mungkin menunjukkan ciri-ciri umum sekolah teknik secara keseluruhan tetapi skop kajian ini tidak membolehkan cerapan umum untuk semua sekolah

teknik dibuat. Maka sekali lagi semua dapatan dan kesimpulan hanya mewakili sekolah teknik Pulau Pinang.

3.2 Pengumpulan Data

Pengumpulan data dilakukan melalui dua sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer diperolehi dengan menghantar soal selidik sendiri ke sekolah-sekolah dan mengumpulkannya semula. Semua 66 soal selidik telah dapat di kumpulkan semula dalam tempoh empat minggu iaitu antara 22 September hingga 13 Oktober, 2000. Data sekunder pula diperolehi melalui rujukan di perpustakaan terhadap jurnal-jurnal, buku-buku, majalah-majalah dan keratan surat khabar.

3.3 Alat Ujian

Alat ujian utama kajian ialah soal selidik yang mempunyai 33 soalan. Soalan-soalan adalah diambil dan diubahsuaikan dari kajian-kajian lalu (Zainudin Abdul Hamid, 1997 dan Zarina Zakaria, 1998). Skala Likert dengan lima (5) *interval* digunakan bagi mendapat respon yang sesuai daripada responden.

Sekaran (2000) mencadangkan penggunaan soalan selidik adalah mudah, berkesan dan dapat menjimatkan masa serta kos. Ia juga salah satu cara mudah dan praktikal untuk mendapatkan data.

Taburan soalselidik ditunjukkan dalam Jadual 3.3 bagi pembolehubah tetap iaitu penggunaan komputer. Manakala Jadual 3.4 pula menunjukkan taburan pembolehubah berubah iaitu soalselidik bagi pengetahuan dan kemahiran berkomputer dan perasaan cemas terhadap komputer. Sikap terhadap komputer tidak dilibatkan dalam kajian ini.

Jadual 3.3

Taburan Soalan-Soalan Soalselidik bagi Pembolehubah Tetap

Faktor-Faktor Pembolehubah Tetap	Nombor Soalan	Bilangan Soalan
1. Penggunaan Komputer Sehari-hari	6,7,8,9,10,11,12	7
2. Kekerapan Penggunaan Komputer	13,14,15	3
3. Kewujudan Kemudahan Komputer	16,17,18,19	4
4. Assimilasi Data Pengurusan dan Sekolah Ke Dalam Komputer.	20,21,22,23	4
Jumlah		18

Jadual 3.4

Taburan Soalan-Soalan Soalselidik bagi Pembolehubah Berubah

Faktor-Faktor Pembolehubah Berubah	Nombor Soalan	Bilangan Soalan
1. Pengetahuan Asas dan Kemahiran Berkomputer	24,25,26,27,28	5
2. Perasaan Cemas Terhadap Komputer	29,30,31,32,33	5
Jumlah		10

3.4 Kaedah Penganalisian Data

Data akan dibincangkan dengan cara deskriptif dan inferensi.

Analisa data menggunakan pakej aplikasi statistik SPSS (10.0).

Penyataan hipotesis 1 hingga 4 merupakan hipotesis yang melibatkan faktor demografi. Hipotesis 1, 2 dan 3 adalah hipotesis yang berkaitan dengan jawatan, umur dan tempoh perkhidmatan responden dan diuji dengan menggunakan ujian Khi-Gandadua (*Chi-Square's Test*).

Penggunaan ujian *Chi-Square* adalah untuk melihat sejauh manakah pergantungan (*dependance*) pembolehubah bebas terhadap pembolehubah tetap dalam kajian ini.

Ujian-t (*t-test*) digunakan bagi menguji Hipotesis 4 yang bertujuan melihat samada terdapat perbezaan (*difference*) di antara jantina dan penggunaan komputer oleh responden.

Seterusnya hipotesis 5 dan 6 yang merupakan pembolehubah bebas kajian ini. Pembolehubah-pembolehubah tersebut ialah :

- (a) Pengetahuan dan kemahiran berkomputer
- (b) Perasaan cemas terhadap komputer (*Computer 's Anxiety*)

Analisis bagi hipotesis ini menggunakan korelasi Pearson dan *multiple regression analysis (stepwise)*. Kaedah inferensi Pearson dan *multiple regression* memang sesuai untuk analisis bagi soalan kajian yang mempunyai lima interval seperti skala Likert (Sekaran, 2000).

3.5 Kebolehpercayaan dan Kesahan

Satu kajian rintis telah dijalankan di Sekolah Menengah Teknik Kulim, Kedah. Seramai 16 responden yang terdiri daripada staf sokongan sekolah ini telah menjawab soalselidik kajian.

Pemberian skor soalan adalah berdasarkan samada soalan itu berbentuk positif atau negatif. Bagi soalan positif jawapan " Sangat Setuju" diberi 5 markah, "Setuju" diberi 4 markah, "Tidak Pasti" diberi 3 markah, "Tidak Bersetuju" diberi 2 markah dan "Sangat Tidak Bersetuju"

diberi markah 1. Bagi soalan-soalan berbentuk negatif pula pemberian skor akan diterbalikkan.

Jadual 3.5

Keputusan Pekali Kesahan (*Reliability's coefficient*) bagi Ujian Rintis (n = 16)

Pembolehubah-Pembolehubah	Bilangan Soalan	Cronbach's Alpha
1. Pembolehubah Berubah		
Pengetahuan dan Kemahiran Berkomputer	5	0.69
Perasaan Cemas Terhadap Komputer	5	0.52
2. Pembolehubah Tetap		
Penggunaan Komputer	18	0.86
Jumlah	23	0.90

Jadual 3.5 di atas menunjukkan hasil analisis data kajian rintis yang telah dijalankan. Pekali kesahan (Cronbach's Alpha) bagi pengetahuan dan kemahiran berkomputer, perasaan cemas terhadap komputer dan penggunaan komputer adalah 0.69, 0.52, dan 0.86 mengikut urutan. Pekali kesahan bagi keseluruhan pula lebih tinggi ia itu 0.90. Menurut Sekaran (2000) angka pekali yang diperolehi adalah baik dan ini menunjukkan pemilihan soalan-soalan adalah sesuai.

BAHAGIAN 4

Dapatan Kajian

4.1 Pengenalan

Data yang diperolehi daripada sumber primer dan sekunder dalam kajian ini dibincangkan kepada dua bahagian utama:

- (a) Melalui perbincangan deskriptif, taburan frekuensi bagi setiap pembolehubah demografi (pembolehubah bebas pertama) responden dihuraikan.
- (b) Analisa dalam bentuk inferensi dan pengujian hipotesis dibuat dengan ujian-T, *Chi-Square test* dan Korelasi Mudah Pearson terhadap dua lagi pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar.

4.2 Maklumat Deskriptif Responden

Semua 66 set soal selidik telah diisi dan dikembalikan dengan sempurna. Ini bermakna kadar 100% respon diperolehi dari populasi yang

telah dipilih. Antara faktor kejayaan ini ialah kerana bilangan sekolah tidak banyak, populasinya minima dan skop kajian khusus untuk sekolah teknik Pulau Pinang.

Jadual 4.1 menunjukkan bilangan responden perempuan (56.1%) melebihi responden lelaki (43.9%). Dari segi umur pula lebih daripada separuh staf sokongan sekolah-sekolah teknik Pulau Pinang adalah dalam lingkungan umur 30 – 39 tahun (53 %), terdapat juga 27.3 % dalam umur 40 – 49 tahun, 13.6 % berumur kurang daripada 29 tahun dan hanya 6.1 % berumur 50 tahun ke atas.

Dari segi jawatan staf sokongan Pembantu Am Rendah merupakan bilangan terbanyak iaitu 16 orang (24.2%), diikuti oleh Pegawai Kerani, Juruteknik, Pembantu Makmal masing-masing 10 orang (15.1%) dan seterusnya Jurutaip, Penyelia Asrama, Ketua Pegawai Kerani dengan mengikut turutan 8 orang (12.1%), 7 orang (10.7%) dan 5 orang (7.7%).

Secara umumnya bilangan staf sokongan yang tempoh perkhidmatan antara 5 – 9 tahun adalah yang terbanyak iaitu 39.4 %. Seterusnya 28.8% bagi perkhidmatan 10 – 14 tahun dan 12.1% bagi perkhidmatan 15 – 19 tahun. Terdapat sejumlah 10 orang atau 15.2 % staf yang telah berkhidmat 20 tahun ke atas dan bilangan terkecil sekali

ialah yang baru berkhidmat 4 tahun ke bawah iaitu seramai 3 orang sahaja atau mewakili 4.5 % daripada populasi yang dipilih.

Jadual 4.1

Profil Responden (N = 66)

		Frekuensi	Peratus
1	Jawatan Anda di Sekolah		
	Ketua Pegawai Kerani	5	7.7%
	Pegawai Kerani	10	15.1%
	Juruteknik	10	15.1%
	Pembantu Makmal	10	15.1%
	Penyelia Asrama	7	10.7%
	Jurutaip	8	12.1%
	Pembantu Am Rendah	16	24.2%
			100.0%
2	Umur		
	29 Tahun ke Bawah	9	13.6%
	30 – 39 Tahun	35	53.0%
	40 – 49 Tahun	18	27.3%
	50 Tahun ke Atas	4	6.1%
			100.0%
3	Jantina		
	Lelaki	29	43.9%
	Perempuan	37	56.1%
			100.0%
4	Tempoh Lama Berkhidmat		
	4 Tahun ke Bawah	3	4.5%
	5 – 9 Tahun	26	39.4%
	10 – 14 Tahun	19	28.8%
	15 – 19 Tahun	8	12.1%
	20 Tahun ke Atas	10	15.2%
			100.0%

4.3 Maklumat Deskriptif Pengetahuan dan Kemahiran Berkomputer

Jadual 4.2 menunjukkan 63.6% bersetuju kurang mengikuti perkembangan komputer dan 51.5% lagi akan berhenti kerja jika berlaku kerosakan pada sistem komputer. Walaubagaimana pun terdapat lebih dari 60% kumpulan staf yang berminat dan menggunakan komputer semasa bekerja. Nilai min 18.8 menunjukkan pengetahuan dan kemahiran berkomputer staf sokongan agak tinggi.

Jadual 4.2

Data Responden Terhadap Pengetahuan Asas dan Kemahiran Berkomputer (N=66)

Soalan-Soalan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
24. Saya kurang mengikuti perkembangan komputer	1 (1.5%)	14 (22.7%)	9 (13.6%)	36 (54.5%)	6 (9.1%)
25. Jika dapat peluang berkursus tentang komputer saya akan mengikutinya	1 (1.5%)	2 (3.0%)	1 (1.5%)	49 (74.2%)	13 (19.7%)
26. Saya selalu mengemaskinikan rekod-rekod di pejabat dengan menggunakan komputer	2 (3.0%)	5 (7.6%)	16 (24.3%)	40 (60.6%)	3 (4.5%)
27. Penyimpanan dan pengeluaran semula maklumat melalui komputer adalah lebih cekap berbanding dengan sistem manual	1 (1.5%)	2 (3.0%)	12 (18.2%)	40 (60.6%)	11 (16.7%)
28. Sekiranya berlaku kerosakan pada sistem komputer saya akan menghentikan kerja sehingga sistem komputer pulih	0 (0%)	34 (51.5%)	2 (3.0%)	17 (25.8%)	13 (19.7%)
Min	18.28				
Sisihan Piawai	2.93				

4.4 Maklumat Deskriptif Perasaan Cemas Terhadap Komputer

Merujuk kepada Jadual 4.3 kita lihat lebih dari 50% responden merasa selesa bekerja dengan komputer. Kebanyakan responden juga yakin dan bersetuju bahawa komputer dapat membantu meningkatkan hasil kerja mereka. Nilai min 17.3 menunjukkan perasaan cemas terhadap komputer responden adalah rendah.

Jadual 4.3

Data Responden Terhadap Perasaan Cemas Terhadap Komputer (N=66)

Soalan-Soalan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
29. Bekerja dengan menggunakan komputer membuat saya rasa kurang selesa	2 (3.0%)	33 (50.0%)	2 (3.0%)	23 (34.8%)	6 (9.1%)
30. Saya tidak terasa terasing bila berbincang tentang komputer dan penggunaannya	4 (6.1%)	17 (25.8%)	2 (3.0%)	35 (53.0%)	8 (12.1%)
31. Saya merasa yakin bila bekerja dengan menggunakan komputer	1 (1.5%)	12 (18.2%)	1 (1.5%)	47 (71.2%)	5 (7.6%)
32. Saya berpendapat bekerja dengan komputer boleh meningkatkan hasil dan mutu kerja	0 (0%)	2 (3.0%)	1 (1.5%)	52 (78.8%)	11 (16.6%)
33. Saya tidak faham tentang komputer dan tidak boleh mengikuti perbincangan mengenainya	1 (1.5%)	29 (43.9%)	2 (3.0%)	32 (48.5%)	2 (3.0%)
Min	17.35				
Sisihan Piawai	2.47				

4.5 Maklumat Deskriptif Penggunaan Komputer

Maklumat deskriptif bagi pembolehubah tetap ini dibahagikan kepada 4 bahagian seperti berikut:

- (i) Penggunaan Komputer Seharian (Soalan 6 – 12)
- (ii) Kekerapan Penggunaan Komputer (Soalan 13 – 15)
- (iii) Kewujudan Kemudahan Komputer (Soalan 16 – 19)
- (iv) Assimilasi Data Pengurusan dan Sekolah ke Dalam Komputer (Soalan 20 – 23)

4.5.1 Maklumat Deskriptif Penggunaan Komputer Seharian

Jadual 4.4 di bawah menunjukkan penggunaan komputer seharian responden agak tinggi. Soalan-soalan 7,8,9,10 dan 11 memberikan nilai purata 69.4% bersetuju yang kerja-kerja mereka seharian melibatkan penggunaan komputer.

Jadual 4.4

Data Responden Terhadap Penggunaan Komputer Sehari-hari (N=66)

Soalan-Soalan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
6 Saya selalu gunakan perisian perkataan (word processor) untuk menulis surat atau menyediakan laporan di pejabat	1 (1.5%)	13 (19.7%)	11 (16.7%)	20 (30.3%)	21 (31.8%)
7 Saya selalu gunakan perisian pengkalan data (database software) untuk menyimpan atau menggunakan semula rekod-rekod.	1 (1.5%)	20 (30.3%)	4 (6.1%)	36 (54.5%)	5 (7.6%)
8 Saya menggunakan perisian grafik (cth. Microsoft Publisher, Instant Artist) untuk menyediakan poster dan helaian maklumat.	1 (1.5%)	8 (12.1%)	19 (28.8%)	37 (56.1%)	1 (1.5%)
